



# KOPI PAHIT

Tan Sri Dr. Abdul Jalil

Hasan — Ketua Kolej Islam mengesyorkan supaya orang-orang menetapkan anak bulan Ramadān dengan hisab kerana, kalau tidak khilaf kata beliau, orang-orang payah hendak menyiapkan kuih-muih puasa! Kalau tidak silap tulisan dan khabar orang sebab mesti menentukan puasa ada perkaitan dengan “kuih raya”. Kita hanya bertanya apakah hukum agama yang tetap hendak ditukar dan diubah dengan dalihan dan asbab tersebut. Agama terang-terang menyatakan lihat anak bulan — kalau anak bulan tidak nampak kerana kabus, maka genapkanlah hitungan bulan itu 30 hari (dengan hisab). Ertinya agama menyuruh lihat bahwa bulan Islam itu di dalam masa 29 hari — apa mahu ditambah lagi dan diubah kerana kuih? Orang hanya bertanya sahaja?

\* \* \*

Dahulu En. Harry Lee Kuan Yew cakap besar mahu besarkan Angkatan Udara Singapura untuk mengawal diri dengan mengadakan kapal terbang-kapal terbang pejuang. Pulau Singapura hanya 14 batu persegi — apa tujuan cakap-cakap itu orang faham, terutamanya sesudah “layanan baik” terhadap rakyat Malaysia yang bekerja di sana dan terutamanya rancangan sesudah British keluar. Tub-tub apabila Tengku membuat rundingan mahukan membeli kapal terbang-kapal terbang Perancis En. Harry Lee

berkata bahawa Singapura dan Malaysia mesti bekerjasama dalam pertahanan udara wah, Cemeti hanya bilang orang masih ingat — rupanya lidah tidak bertulang dan tentu dipandang orang sudah pandai memutar-mutar sebab barangkali kerana berguru dengan Yahudi dan Komunis, barangkali — atau boleh jadi!!

\* \* \*

Api atau *nār* adalah sempena yang tidak disukai oleh Islam. Islam dilarang menyembah api dan orang-orang yang berdosa akan diseksa Allah dengan membakarnya dengan api neraka, tetapi orang di dunia sekarang menggunakan api sebagai alat menuntut sesuatu. Di Vietnam dahulu sami-sami Buddha menyiram diri mereka dengan minyak tanah kemudian membakar dirinya — api.

Di Czechoslovakia, pemuda-pemuda untuk menunjukkan bantahan terhadap kedudukan Soviet Russia di tanah airnya mereka membakar dirinya — sekali lagi bakar dengan api. Seorang India mengugut mahu bakar diri di England apabila tidak dibenarkan jadi konduktor bas pakai serban. Lagi bakar dengan api — ertinya bagi orang Islam bagaimana? Mahu dulu-dulu masuk neraka?? Tanya aja sih, kata orang Jakarta!

\* \* \*

“Pembesaran Angkatan Bersenjata Singapura telah diibaratkan sebagai alat pencegah pencuri yang dipasang

di rumah-rumah dan gudang-gudang.” Kata En. Rahim Ishak Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Singapura yang dikatakan berkata seterusnya bahawa semuanya terpaksa dilakukan dengan bijaksana untuk menghalang yang tidak diingini berlaku. Ahem, ahem! Kepada siapa dituju? Entalah?

\* \* \*

Dr. Tan Che Khoon dikatakan berkata dalam *Parliament* bahawa melihat kepada cakap-cakap penyokong kerajaan nampaknya macam negara ini akan diserang dari luar. Tetapi siapakah musuh yang sangat dibimbangi itu? Kalau Filipina — tak mampu berbuat demikian — dengan jelas yang dibimbangkan ialah Komunis. Kalau Komunis, menurutnya tidak payah bersiap-siap asalkan sahaja ada hubungan diplomat dengan mereka dan menunjukkan hubungan damai antara mereka. Bagus — tetapi orang bertanya kenapa negeri di pulau yang kecil seperti Singapura bersiap-siap tenteranya padahal ia berbaik-baik dengan negara Komunis? Orang bertanya sahaja. — Falsafah Dr. Zain.

\* \* \*

Pihak kerajaan Amerika bekerja menahan mempengaruhi Perancis dan British serta orang Amerika sendiri jangan menjual kapal terbang jet kepada Malaysia. Alasan diberi kononnya kerana tidak mahu perlumbaan senjata di Timur Jauh ini. Hairan seribu kali hairan kerana baru-baru ini Amerika menghantar kapal terbang-kapal terbang jet mereka untuk bantuan kepada Filipina. Apakah ini menunjukkan sifat-sifat di belakang layar tujuan-tujuan Amerika kepada Malaysia? Orang kaya — jangan berlagak — bung! Boleh buat sesuka dan boleh dibuat berat sebelah nampaknya — **Cemeti al-Farouk.**